


# KEWARTAWANAN MALAYSIA

Praktis & Cabaran  
dalam Era Revolusi Digital

Saiful Nujaimi Abdul Rahman



.409595

SAI

ARSON

*Prakata oleh*

Datuk Johan Jaaffar

Pengerusi Media Prima Berhad



# KEWARTAWANAN MALAYSIA Praktis & Cabaran dalam Era Revolusi Digital

*Disunting oleh:*  
Prof Madya Dr. Hj. Khairil Annas Jusoh  
Prof Madya Hj. Arbak Othman

Saiful Nujaimi Abdul Rahman

PUSTAKA PERDANA



1013289

Prentice Hall

Kuala Lumpur • London • New York • Boston • San Francisco • Toronto  
Sydney • Singapore • Hong Kong • Tokyo • Seoul • Taipei • New Delhi • Cape Town  
Madrid • Mexico City • Amsterdam • Munich • Paris • Milan



*Diterbitkan oleh*

**Prentice Hall**

Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 2, Jalan 215, Off Jalan Templer,

46050 Petaling Jaya,

Selangor, Malaysia

Tel: 03-78012000

Fax: 03-77853435

Pejabat-pejabat Pearson Education di Asia: *Bangkok, Beijing, Hong Kong, Jakarta, Manila, Kuala Lumpur, New Delhi, Seoul, Singapore, Taipei, Tokyo.*

Dicetak di Malaysia

Cetakan Pertama 2009

ISBN: 978-967-349-032-5

*Kewartawanan Malaysia : Praktis dan Cabaran Dalam Era Revolusi Digital*

*Saiful Nujaimi Abdul Rahman*


---

**Hakcipta © 2009 oleh Pearson Malaysia Sdn. Bhd.**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

**Prentice Hall**  
is an imprint of

**PEARSON**



070.409595

# Kandungan

<b>PRAKATA</b>	<b>V</b>
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>IX</b>
<b>BIODATA PENULIS</b>	<b>XI</b>

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>BAB 1:</b>	<b>Memahami Berita</b>	<b>1</b>
<b>BAB 2:</b>	<b>Sumber-Sumber Pemberitaan</b>	<b>7</b>
<b>BAB 3:</b>	<b>Proses Penghasilan Berita</b>	<b>12</b>
<b>BAB 4:</b>	<b>Sudut-Sudut Pemberitaan</b>	<b>19</b>
<b>BAB 5:</b>	<b>Kategori Berita dan Kaedah Melaporkan Berita</b>	<b>25</b>
<b>BAB 6:</b>	<b>Format Umum Penulisan Berita</b>	<b>34</b>
<b>BAB 7:</b>	<b>Perincian Format Penulisan Berita</b>	<b>40</b>
<b>BAB 8:</b>	<b>Pendulu Berita</b>	<b>52</b>
<b>BAB 9:</b>	<b>Titik Penggal</b>	<b>59</b>
<b>BAB 10:</b>	<b>Gaya-Gaya Penulisan</b>	<b>64</b>
<b>BAB 11:</b>	<b>Rutin Meja-Meja Berita dan Wartawan</b>	<b>76</b>
<b>BAB 12:</b>	<b>Perincian Rutin Meja-Meja berita</b>	<b>88</b>
<b>BAB 13:</b>	<b>Wawancara Secara Umum</b>	<b>100</b>
<b>BAB 14:</b>	<b>Pendekatan Wawancara</b>	<b>105</b>
<b>BAB 15:</b>	<b>Jangkaan-Jangkaan Sebelum Wawancara</b>	<b>111</b>
<b>BAB 16:</b>	<b>Mewawancara Bersemuka</b>	<b>116</b>
<b>BAB 17:</b>	<b>Teknik Ketika Mewawancara Bersemuka</b>	<b>122</b>
<b>BAB 18:</b>	<b>Pelbagai Pendekatan dan Graf Wawancara Bersemuka</b>	<b>128</b>
<b>BAB 19:</b>	<b>Teknik Mewawancara Melalui Panggilan Telefon</b>	<b>135</b>
<b>BAB 20:</b>	<b>Dilema Kewartawanan Kontemporari</b>	<b>145</b>
<b>BAB 21:</b>	<b>Lampiran-Lampiran</b>	<b>160</b>



# Prakata

## ANTARA ALAM SIBER DAN MEDIA ARUS PERDANA: MENANGANI CABARAN KEWARTAWANAN SEMASA

Media sedang melalui proses transformasi yang luar biasa. Teknologi komunikasi dan maklumat telah mengubah cara kita berinteraksi, berkomunikasi, malah berkerajaan. ICT memungkinkan dunia baharu yang penuh cabaran bagi mereka yang terbabit dalam dunia media. Segala amalan dan prinsip kewartawanan yang kita fahami selama ini telah mulai dipersoalkan. Malah pendekatan kewartawanan juga mulai berubah. Teknologi maklumat mengubah bukan sahaja peralatan, tetapi juga medium yang digunakan oleh pengamalnya. Malah, yang lebih penting pengamalnya juga kini lebih ramai mengambil kira kewujudan apa yang difahamkan sebagai “wartawan dari kalangan massa”. Memang benar media arus perdana masih berpengaruh. Tetapi, pengaruh media alternatif juga semakin dirasakan kesannya. Lebih-lebih lagi apabila timbul keperluan baharu untuk memberikan “pilihan” pada tradisi kewartawanan sedia ada. Setiap orang boleh menjadi pelapor, penganalisis, dan pengkritik. Setiap orang mempunyai lesen untuk menyampaikan maklumat atau informasi. Dengan kata lain, kewartawanan cara baharu yang melampaui kerangka atau format medium yang dianggap konvensional itu telah menampakkan bentuknya. Ini bermakna, dengan hanya berbekalkan komputer riba atau *Blackberry*, dan dengan menggunakan kecanggihan *YouTube*, *Twitter* dan sebagainya, seseorang boleh memulakan ruang laporan atau “akhbar”nya sendiri. Apa yang diperlukan hanya tapak *web* atau *weblog* - maka lahirlah pelapor atau wartawan rakyat. Mungkin dunia kewartawanan juga berubah dengan pendekatan “pasang siap” ini. Begitu besarnya pengaruh *bloggers* sebagai “*thought leaders*” yang baharu sehingga khabarnya banyak membantu meruntuhkan kekuatan tembok Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum 2008 lalu.

Daripada satu aspek, kegiatan *blogging* membuka ruang baharu dalam proses pendemokrasian di negara ini. Ia sesuai dengan kesediaan kita untuk melahirkan bukan sahaja masyarakat yang bermaklumat, tetapi juga yang kritis, kreatif dan inovatif. Malah, itu pra-syarat sebuah masyarakat sivil yang kita idamkan. Ada yang berpandangan bahawa alam *blog* atau *blogosphere* sebenarnya adalah wilayah terakhir dalam wacana pemikiran. Ia memberikan ruang keterbukaan yang luar biasa yang tidak pernah

dimimpikan oleh mana-mana pengamal media terdahulu. Namun demikian, alam siber juga merupakan alam tanpa undang-undang dan peraturan. Ia menjadi wilayah koboi yang *lawless* dan keliru. Ia mulai diculik oleh kelompok yang tidak bertanggung jawab yang menggunakan lesen kebebasan bersuara untuk menghina, memfitnah, dan menabur dakyah. Kebebasan tanpa tanggung jawab, sama buruknya dengan kekangan tanpa ruang bernafas. Maka itu, adalah amat penting bagi pengamal media - dalam apa bentuk medium dan ruang - untuk kembali ke asal mengingatkan semula tentang prinsip dan etika serta perhitungan moral dan kewarasan dalam amalan kewartawanan. Dunia kewartawanan bukan dunia tanpa hukum dan prinsip. Dunia kewartawanan menuntut disiplin yang tersendiri. Malangnya dalam keghairahan mengamalkan kebebasan dan menjunjung kebebasan bersuara, ada pengamal media sendiri yang terlepas pandang prinsip dan disiplin profesion mereka. Mereka terlupa bahawa seperti juga profesion yang lain, wartawan dipandu oleh etika yang jelas.

Marilah kita melihat secara realistik realiti media hari ini. Seperti yang pernah saya hujahkan dalam esei saya yang lain, akibat merosotnya pengaruh institusi politik, agama dan kumpulan intelektual, serta gerakan sosial untuk mewakili “mangsa” dalam pelbagai krisis kemanusiaan antarabangsa, media menjadi semakin penting dan berpengaruh. Kita juga perlu melihat aspek “*representation*” yang banyak dihujahkan oleh penganalisis media. Juga pelbagai konsep yang berkaitan dengan “*distance violence*” yang dikemukakan oleh Martin Shaw hingga kaitannya dengan apa yang difahamkan sebagai pembentukan “*global civil society*”. Tidak kurang pentingnya, kita harus melihat peranan sebenar media dalam negara-negara Dunia Ketiga. Juga, menilai semula kewajaran dalam konteks mensensasikan isu, berita dan laporan. Apakah “*news that sell*” akan selamanya menjadi kayu ukur penentuan berita dan laporan? Ataupun pengamal media mengambil jalan tengah memastikan bahawa mereka masih boleh “menjual” akhbar atau meningkatkan bilangan penonton tanpa perlu mengorbankan wibawa dan moral. Media hari ini terdedah pada kritikan kerana masyarakat umum juga semakin cerdik dan kritikal. Memang kita memerlukan media yang terbuka, segar dan *vibrant*. Ini ditekankan oleh YAB Perdana Menteri yang baharu, Datuk Seri Najib Tun Razak. Malah, keterbukaan ini menjadi sebahagian daripada teras konsep “1 Malaysia” yang digagaskannya. Kita mahu mengajak rakyat pada wacana yang terbuka. Kita harus membuka minda untuk perdebatan yang sihat dan bijaksana. Kita harus bersedia menjadi kritis dan berjiwa besar. Juga menerima kritikan. Kritikan tidak memusnah - asalkan terasnya kewarasan dan kejujuran. Tradisi kewartawanan bertolak daripada pemberitaan, laporan, atau analisis yang bertanggung jawab, adil dan saksama. Maka itu, amat penting untuk kita melihat semula proses pendidikan kewartawanan ini. Proses pendidikan

semula ini boleh diibaratkan sebagai usaha penguatkuasaan dan penyegaran semula kefahaman tentang tanggung jawab mereka. Kebebasan bersuara bukan hak, tetapi tanggung jawab. Media bebas bukan bermakna lesen untuk berbuat apa sahaja. Antara kebenaran dan wibawa moral, inilah letaknya cabaran media hari ini.

Maka itu, dalam proses untuk kembali pada akar prinsip kewartawanan, buku *Kewartawanan Malaysia - Praktis dan Cabaran Dalam Era Revolusi Digital* oleh Saiful Nujaimi Abdul Rahman ini amat bermakna. Buku ini berisi maklumat yang berguna untuk para pengamal media memulakan tugas atau menilai semula tugas mereka. Buku ini memuatkan kaedah asas mengenal dunia kewartawanan dengan segala kompleksitinya. Ia tentunya amat bermakna dalam mempersiapkan para wartawan dengan ilmu yang sesuai. Saya menganggap buku ini lebih daripada sekadar panduan berguna bagi para wartawan. Saya percaya penulisnya - yang pernah terlibat dalam dunia kewartawanan selain menjadi pensyarah kewartawanan - dapat membezakan antara teori dengan praktis, dan antara andaian dengan amalan. Dunia kewartawanan tidak bermula dengan sijil atau ijazah - sebaliknya bermula apabila si wartawan berada di lapangan. Apa yang dipelajari di dewan kuliah tidak sama dengan pengalaman di luar. Dunia kewartawanan jauh lebih mencabar daripada segala teori dan falsafah kewartawanan yang membolehkan seseorang mendapat ijazah. Realiti “di luar sana” boleh membezakan antara wartawan yang berwibawa dengan mereka yang sekadar “mahu cari makan.” Wartawan sanggup mati kerana profesionnya. Cap mohor kredibiliti kewartawanan letaknya pada dedikasi, komitmen, dan mutu pemberitaannya. Wartawan tidak datang daripada pertunjukan realiti atau uji bakat. Wartawan yang baik muncul dengan membekalkan maklumat dan pengetahuan. Ilmu yang ada pada mereka dicanai pula dengan dedikasi dan rasa tanggung jawab. Mereka harus mempunyai persiapan minda yang betul selain pengetahuan yang secukupnya. Maka itu, bakal wartawan dan wartawan memerlukan buku ini.

#### **DATUK JOHAN JAAFFAR**

- **DATUK JOHAN JAAFFAR** merupakan mantan Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (Malaysia) Berhad. Beliau juga pernah menjadi Ketua Pengarang Majalah-majalah DBP yang membawa beliau ke Afghanistan pada tahun 1989 sewaktu perang saudara negara itu sedang memuncak. Kini, beliau merupakan Pengerusi Media Prima Berhad yang memiliki stesen TV, radio dan Kumpulan The New Straits Times Press (M'sia) Bhd.



# Pendahuluan

Tanpa ragu, penulisan buku ini didesak oleh pelbagai perkara yang berlaku dalam dunia kewartawanan tanah air. Pada awal penglibatan saya sebagai wartawan, saya berdepan dengan pelbagai situasi yang sukar - khususnya pada bulan-bulan yang pertama. Fenomena ini sebenarnya disebabkan oleh latar pendidikan kewartawanan yang tidak pernah didedahkan kepada senario sebenar kewartawanan negara ini. Memanglah kesemua pensyarah kewartawanan saya sebelum ini merupakan mahaguru terpilih - pernah pula menunjangi pelbagai agensi persuratkhabaran dan media massa. Namun, hampir kesemuanya merupakan warga dari negara-negara asing. Ranum ilmunya diperakui senantiasa relevan, namun untuk mengaplikasinya dalam dunia kewartawanan Malaysia pasti amat merumitkan.

Apabila saya berkhidmat dengan Universiti Putra Malaysia, Serdang (ketika itu masih Universiti Pertanian Malaysia), saya berasa begitu sukar dalam mencari bahan-bahan rujukan bagi pengajaran yang berkesan. Lalu saya tanyakan kepada pelbagai pihak termasuklah barisan para wartawan berpengalaman kalau-kalau ada titik rujuk yang jelas. Majoriti rakan wartawan berpengalaman dari pelbagai agensi persuratkhabaran arus perdana di negara ini pantas memaklumkan bahawa mereka banyak belajar daripada pengalaman.

Lantaran itu, selepas 12 tahun perkhidmatan sebagai pensyarah komunikasi di Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, saya memberanikan diri untuk membantu mengisi kekosongan yang ada. Lantas, ratusan bahan dihimpun dan puluhan figura diwawancara. Seluruhnya demi menyediakan bahan yang wajar bagi membantu sesiapa sahaja yang berhasrat memahami dan menyelami dunia kewartawanan tanah air pada era revolusi digital ini. Rupa-rupanya usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah. Tanpa kita sedari, revolusi digital yang sedang rakus melanda seantero dunia kini telah merobekkan akal budi dan tata susila kewartawanan yang sedia ada. Menulis sesuatu berhubung kewartawanan hari ini jauh lebih sukar berbanding tahun-tahun sebelum revolusi bermula. Pelbagai terma perlu diterjemahkan. Acapkali pula terjemahan baharu perlu dibentuk secara laras maknawiah demi menjernihkan kefahaman.

## *Pendahuluan*

Justeru, pada setiap lembaran buku ini saya telah berusaha segigihnya untuk mempermudah pembaca. Tidak kiralah sama ada si pembaca itu seorang wartawan amatir, mahupun telah berpengalaman. Hatta sesiapa sahaja - sekalipun hanya berhajat menyelongkari sedikit resam dan adat dunia kewartawanan yang penuh duga dan cabar ini. Bahkan, hampir pada setiap halaman anda akan berdepan dengan frasa dan perkataan yang saya paparkan dalam huruf-huruf yang ditebalkan (*bold*) - selain menyertakan glosari pada bab yang penghabisan. Ada ketikanya, perkataan dalam bahasa Inggerisnya sengaja dikekalkan demi memudahkan pemahaman. Malah, pelbagai terma-terma kewartawanan yang sering diguna pakai namun belum pernah diketahui masyarakat umum turut dipaparkan.

Tanpa prasangka, seluruh usaha ini digembleng demi memputerakan generasi kewartawanan yang benar-benar beriltizam dan bemarkuah pada piawaian yang melampaui sebarang gelombang revolusi. Saya berdoa agar seluruh usaha ini mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala - dan sekaligus sesiapaapun yang membacanya akan memperolehi ilmu yang bermanfaat demi mendepani pelbagai cabaran alaf.

**SAIFUL NUJAIMI ABDUL RAHMAN**

# Biodata Penulis

Saiful Nujaimi Abdul Rahman merupakan pensyarah di Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor Darul Ehsan. Beliau adalah penyandang Ijazah Master Sains (Kewartawanan) daripada Universiti Putra Malaysia, dan Ijazah Sarjana Muda (Bacelor Komunikasi: Kewartawanan), Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Latar pendidikan awal beliau bermula di dua buah sekolah rendah. Terulung ialah di Sekolah Kebangsaan Kuala Kaung, dan kemudiannya di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang. Kedua-duanya di Mukim Lanchang, Pahang Darul Makmur. Semenjak kecil, beliau merupakan seorang pelajar yang aktif dan memiliki kesungguhan yang amat tinggi. Ini dapat dirujuk pada rentetan penyertaan beliau dalam pelbagai bidang kurikulum dan kokurikulum. Seluruhnya menuntut pengorbanan yang bukan calang-calang dari segi masa, tenaga, dan kecekalan. Setelah meraih kecemerlangan dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima, beliau kemudiannya terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh, Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Di sana, kembara beliau dalam buana ilmu dan pengalaman terus disuburperkayakannya lagi. Sesempurnanya pendidikan menengah, beliau melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. Sepanjang pengajiannya, selain berkecimpung dalam arena pidato dan perdebatan, beliau turut mengagahi penerokaan belantara pengalaman melalui pelbagai forum, kolokium, seminar, dan persidangan - serantau mahupun antarabangsa. Amat sedikit individu nan mengetahui bahawa beliau merupakan antara barisan pembahas pelopor bagi perbahasan ala-parlimen yang kini giat dilatih tubi di institusi-institusi pengajian tinggi awam seluruh negara.

Seusai pengajian Sarjana Muda, beliau telah berkhidmat dengan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad untuk beberapa ketika. Setelah ilmu ditimba dan pengalaman divedok, tanpa berlengah beliau mengorak langkah menyertai pentas akademia Universiti Putra Malaysia demi melanjutkan pengajian ke tahap Master Sains dan sekaligus mencurahkan bakti setia dalam jurusan yang sama. Seiring era revolusi digital kini, beliau nekad untuk terus memperkasakan bidang kewartawanan di universiti penyelidikan tersohor negara yang dikhidmatinya itu pada julat yang berlipat ganda.

saifulrahman72@hotmail.com



# 1

## MEMAHAMI BERITA

---

*“Maksud sebenar berita itu adalah luas dan tidak mencukupi dengan satu definisi atau tafsiran sahaja. Sekaligus, ini bermakna dunia kewartawanan itu adalah sesuatu yang hidup dan sentiasa berkembang”.*

Terdapat pelbagai definisi dan tafsiran berhubung maksud sebenar berita oleh pelbagai sarjana komunikasi seluruh dunia dan sepanjang zaman sejak bermulanya era pemberitaan. Maksud sebenar berita itu

adalah luas dan tidak mencukupi dengan satu definisi atau tafsiran sahaja. Sekaligus, ini bermakna dunia kewartawanan itu adalah sesuatu yang hidup dan sentiasa berkembang. Yang mustahak bagi kita ialah untuk mengenal pasti dan memahami apakah bentuk peristiwa atau kejadian yang memiliki ciri-ciri sebuah berita. Berikut ialah antara definisi teras bagi sebuah berita menurut Julian dan Stanley (1965):

- Sesuatu yang baharu berlaku atau terjadi.
- Surat khabar itu sendiri adalah berita.
- Laporan berhubung sesuatu acara secara kolektif.
- Sesuatu perkhabaran yang baharu berhubung apa sahaja.

### **MEMAHAMI NILAI-NILAI BERITA (NEWS VALUES)**

Sekaligus, sesebuah berita yang dihasilkan oleh seseorang wartawan perlulah memiliki nilai-nilai berita di dalamnya. Bagaimanakah mengenali nilai-nilai berita? Nilai-nilai tersebut boleh dikenal pasti pada sesebuah isu/ acara/ peristiwa/ kejadian, dan sebagainya, apabila ia mempunyai elemen-elemen yang tersenarai di bawah (Palmer, 2000):

- **Sesuatu yang biasa tetapi gah:**
  - Misalnya, berita yang melaporkan tentang bendera terbesar.
- **Sesuatu yang negatif dan bercanggah:**
  - Misalnya, berita yang melaporkan tentang ajaran sesat.
- **Sesuatu yang luar biasa dan tidak diduga:**
  - Misalnya, berita yang melaporkan tentang tanah runtuh.
- **Sesuatu yang berkaitan dengan budaya setempat:**
  - Misalnya, berita yang melaporkan upacara perayaan setempat yang unik.
- **Sesuatu yang jarang berlaku tetapi mempunyai frekuensi:**
  - Misalnya, berita yang melaporkan tentang sambutan Hari Kemerdekaan.
- **Perlakuan kelompok elit dalam masyarakat:**
  - Misalnya, berita yang melaporkan berhubung selebriti menderma darah.

# SIFAT-SIFAT BERITA

Selepas kita memahami apakah tafsiran yang mudah bagi berita, kita perlu memahami apakah sifat-sifat berita. Sifat-sifat berita yang dimaksudkan itu ialah (Brooks, 1996):

- Penting.
- Lengkap.
- Benar.
- Cermat.
- Cepat.
- Objektif.

## PENTING

Penting - bermaksud menepati keutamaan yang ditetapkan oleh: (1) Agensi - setiap agensi memiliki agenda tersendiri (termasuklah sensitiviti agensi dan rakan kongsi agensi yang dilkhidmatinya); (2) Meja berita - setiap meja berita mempunyai fokus tersendiri. Sesuatu isu yang penting bagi sesebuah meja berita, tidak semestinya penting kepada meja berita yang lain meskipun di sebuah agensi yang sama; (3) Pembaca - setiap akhbar memiliki kelompok pembaca tersendiri (yang memiliki **jangkaan** tersendiri). **Jangkaan** ini jika tidak dipenuhi, mereka mungkin memilih akhbar yang lain.

## LENGKAP

Lengkap - bermaksud setiap wartawan perlu memastikan setiap beritanya memiliki 5W dan 1H. Pun begitu, kesemua 5W dan 1H itu tidak perlu diletakkan pada satu ayat sekaligus. Yang dimaksudkan dengan 5W dan 1H, seperti yang pernah dinyatakan oleh Md. Salleh Kassim (1985) ialah:

- **What** - apakah yang berlaku atau akan berlaku?
- **Where** - di mana ia berlaku atau akan berlaku?
- **When** - bila ia berlaku atau akan berlaku?
- **Who** - siapa sumber yang terlibat atau siapa pelaku?
- **Why** - mengapa ia berlaku atau akan berlaku?
- **How** - bagaimana ia berlaku atau akan berlaku?

**Lihat bagaimana 5W dan 1H ini diletakkan:  
(Berita Minggu, 22 Feb. 2009, ms: 20, kolom: 1)**

**Pengeluaran ikan air tawar ditingkatkan  
Sasaran mampu dicapai dalam tempoh 10 tahun  
Oleh Mohd Zin Ali**

JOHOR BAHRU: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bercadang menambah pengeluaran ikan negara dengan meningkatkan pengeluaran ikan air tawar ke tahap 50 peratus dalam tempoh 10 tahun akan datang..(WHAT?)

Menterinya Datuk Mustapa Mohamed (WHO?), berkata ketika ini, jumlah pengeluaran ikan air tawar negara hanya berada pada tahap 12 peratus manakala bakinya adalah pengeluaran ikan laut.

Beliau berkata, pengeluaran ikan negara terutama ikan laut tidak meningkat begitu ketara ketika ini kerana sumber bekalannya terhad, sudah diteroka sejak sekian lama dan sebahagian habitat ikan musnah akibat pembangunan dan pencemaran. (WHY?)

"Oleh itu, kita perlu kerja lebih kuat lagi untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara dengan menseimbangkan pengeluaran ikan air tawar dan ikan laut melalui pembukaan lebih banyak kolam ikan air tawar di negara ini. (HOW?)

"Saya percaya sasaran untuk meningkatkan pengeluaran ikan air tawar ke tahap 50 peratus ini mampu dilakukan dengan adanya 30 zon industri akuakultur (ZIA) di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat projek ternakan ikan dalam kolam Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Johor Bahru Selatan di Pusat Penyelidikan Ternakan Air Payau Gelang Patah, di sini semalam. (WHERE?)

Terdahulu, Mustapa menyampaikan sijil penyertaan kepada 12 nelayan yang terpilih menjadi usahawan ternakan ikan kolam untuk menternak ikan siakap dan kerapu di kawasan seluas 20.2 hektar mulai bulan depan. (WHEN?)

Beliau berkata, projek yang juga program inkubator usahawan peladang itu membolehkan setiap nelayan mempunyai dua kolam dan mampu mempunyai pendapatan bersih kira-kira RM3,500 sebulan seorang.

"Melalui projek ini, ia mampu mengeluarkan kira-kira 240 tan ikan dengan nilai urusniaga dianggarkan RM2.88 juta setahun," katanya.

## BENAR

Benar - bermaksud sentiasa melaporkan sesuatu berita mengikut maklumat yang diperolehi dan menepati keperluan semasa. Adakalanya, sesetengah maklumat yang diperolehi itu benar. Namun, apabila ia tidak sesuai dihebahkan kepada masyarakat umum maka seseorang wartawan itu tidak wajar memaparkan maklumat tersebut. Wartawan boleh menulis berhubung maklumat tersebut. Namun, beliau perlu mengambil pendekatan terbaik demi menjaga keharmonian masyarakat. Ini kerana, falsafah teras dunia kewartawanan ialah untuk mewujudkan kesejahteraan - bukan kekacauan dalam sesebuah masyarakat. Sebarang berita berbau perkauman yang boleh menghuru-harakan perpaduan, sekalipun maklumatnya benar dan tepat, ia tetap perlu dihalusi terlebih dahulu.

## CERMAT

Cermat - bermaksud setiap wartawan perlu berhati-hati dengan setiap perkataan yang dipilih dalam membentuk ayat sesebuah berita. Lazimnya bentuk ayat sesebuah berita yang berkesan tidak menggunakan perkataan yang sukar. Sebaiknya, hanya menggunakan bahasa marhaen sahaja. Selain itu juga, para wartawan perlu menyemak berkali-kali aspek ejaan nama, panggilan kehormat (jika ada), dan akronim (singkatan nama bagi pertubuhan dan sebagainya) yang digunakan.

## CEPAT

Cepat - bermaksud setiap wartawan perlu bekerja secara pantas dalam menulis berita - dan pantas pula dalam menyebarkannya. Sekaligus, ia mendesak setiap wartawan agar dapat menyiapkan sesuatu berita secara pantas dan tepat pada setiap masa dan ketika. Ini kerana, sifat berita itu adalah sesuatu yang baharu dan cepat. Seandainya sesuatu berita itu lambat disebarkan, maka ia tidak lagi menepati definisi dan tafsiran sebenar sesebuah berita. Namun, kepantasan tersebut perlu dilakukan secara berhati-hati agar maklumat yang disebarkan itu tepat dan bertanggung jawab. Justeru, setiap wartawan perlu mendalami pelbagai kepakaran pemberitaan

secara berterusan. Ini termasuklah kecelikan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat - juga menggunakan perkakasan ICT terkini dari semasa ke semasa.

## OBJEKTIF

Objektif - bermaksud setiap wartawan perlu pada setiap ketika memikirkan aspek: kredibiliti dan reputasi; dan integriti dan akauntabiliti. Kredibiliti dan Reputasi: Setiap wartawan perlu memastikan bahawa sumber yang diwawancaranya memiliki kredibiliti yang selayaknya untuk memberi maklumat. Berita yang memiliki kredibiliti yang tinggi akan membina reputasi berita dan reputasi wartawannya. Misalnya, jika wartawan mewawancara Perdana Menteri dan menulis berita kemudiannya, sudah pasti berita itu bersumberkan seorang yang memiliki kredibiliti yang tinggi. Sekaligus, berita yang dihasilkan turut membina reputasi wartawannya.

Integriti dan Akauntabiliti: Kedua-duanya merujuk kepada sikap peribadi seseorang wartawan. Jika beliau melaporkan berita politik, dan beliau sentiasa ingat bahawa dirinya adalah wartawan, sedikit sebanyak menunjukkan beliau memiliki integriti. Seandainya beliau merasakan bahawa beliau telah menjadi sebahagian daripada ahli politik, dan memiliki pengaruh seperti mereka, ini bermakna integritinya perlu dipulihkan. Begitu jugalah bagi wartawan yang berkhidmat di **meja-meja berita** yang lain. Akauntabiliti pula bermaksud sejauh manakah seseorang wartawan itu sedar bahawa setiap berita yang dihasilkannya merupakan pertanggungjawaban sepanjang masa. Ini kerana, setiap berita itu berupaya mendatangkan kebaikan dan kerosakan secara berterusan - bukan sahaja dalam masa terdekat, bahkan pada masa akan datang sekalipun wartawan itu telah bertukar kerja atau meninggal dunia.

# 2

## SUMBER-SUMBER PEMBERITAAN

*“Wartawan berpengalaman  
tidak hanya melihat, tetapi turut mengamati persekitarannya  
sebelum melaporkan sesuatu peristiwa”.*

Terdapat tujuh sumber utama pemberitaan yang lazim dalam dunia kewartawanan Malaysia. Sumber-sumber ini merupakan saluran utama pemberitaan dalam dunia kewartawanan di peringkat nasional

dan internasional. Bermula dengan tujuh sumber inilah, para wartawan melakukan pengumpulan bahan-bahan berita - yang akhirnya disusun menjadi berita yang lengkap. Tujuh sumber utama tersebut ialah:

- **Sidang akhbar (*Press conference*)** - di mana sesi soal-jawab berlaku.
- **Faks/ Bahan bercetak (*Fax/ Handouts*)** - apabila wartawan perlu menyaring.
- **Panggilan keluar (*Call-out*)** - apabila wartawan menghubungi sumber/ figura.
- **Wawancara (*Interview*)** - apabila wartawan mewawancara sumber.
- **Panggilan masuk (*Out-call*)** - apabila sumber/ figura menghubungi wartawan.
- **Penterjemahan (*Translation*)** - apabila wartawan hanya menterjemah di pejabat.
- **Peninjauan (*Surveillance*)** - apabila wartawan perlu meninjau mencari berita.

### **SIDANG AKHBAR (*PRESS CONFERENCE*)**

**Sidang akhbar** merupakan saluran utama bagi pemberitaan (khususnya bagi Malaysia) dalam menghasilkan berita untuk pembacaan sesebuah masyarakat. Melalui sidang akhbar, wartawan memperolehi beberapa beberapa sumber pemberitaan yang lain secara sekaligus iaitu **faks/ bahan bercetak, wawancara, dan peninjauan**. Selain itu, adakalanya wartawan turut melakukan penterjemahan. Ini kerana, melalui sidang akhbar:

- Wartawan lazimnya diberikan pelbagai bahan bercetak yang relevan (*relevant printed documents*) sebagai bahan sokongan kepada acara yang berlangsung.
- Wartawan lazimnya diperuntukkan satu sesi soal-jawab bersama figura utama sesuatu acara (*the key figure of the event*).
- Wartawan lazimnya berpeluang memperolehi kesemua bahan berita daripada sumber primer (*the first hand information*).

## **FAKS/ BAHAN BERCETAK (FAX/ HANDOUTS)**

Bagi faks/ bahan bercetak sebagai sumber pemberitaan pula, terdapat beberapa proses yang perlu dilakukan oleh seseorang wartawan sebelum menulis berita:

- Proses 1: Membaca keseluruhan teks yang diperolehi.
- Proses 2: Memahami maksud tersirat teks tersebut.
- Proses 3: Mengekstrak 5W's dan 1H daripada keseluruhan teks.
- Proses 4: Mengenal pasti nilai berita khususnya sudut berita.
- Proses 5: Menentukan pendulu berita.
- Proses 6: Menulis berita mengikut gaya penulisan tertentu.
- Proses 7: Menyemak kesemua proses, khususnya pada aspek kesinambungan.

## **PANGGILAN KELUAR (CALL-OUT)**

Manakala bagi panggilan keluar sebagai sumber pemberitaan pula, lazimnya ia berlaku apabila seseorang wartawan menghubungi sumber tertentu. Antara tujuannya ialah:

- Menulis berita susulan.
- Mendapatkan pandangan bagi memperjelaskan isu/ perkara.
- Mendapatkan sokongan berhubung artikel/ laporan/ berita.
- Mendapatkan pandangan/ sokongan tambahan bagi isu/ perkara.


## **WAWANCARA (INTERVIEW)**

Wawancara merupakan kategori sumber pemberitaan yang seterusnya. Ia menguji keupayaan sebenar wartawan dalam mendapatkan bahan-bahan berita. Keupayaan inilah yang membezakan antara wartawan berpengalaman berbanding amatur. Ini kerana, lokasi pemberitaan tidak semestinya dirancang secara temu janji - ia boleh berlaku secara spontan. Antara lokasi wawancara yang lazim ialah:

- Lokasi 1: Pejabat media (*at the news agency's office*).
- Lokasi 2: Melalui temu janji yang dirancang lebih awal.
- Lokasi 3: Secara tidak sengaja (*accidental/ spontaneous*).
- Lokasi 4: Majlis-majlis sosial (*social functions*).

# KEWARTAWANAN MALAYSIA

Praktis & Cabaran  
dalam Era Revolusi Digital



“Wartawan tidak datang daripada pertunjukan realiti atau uji bakat. Wartawan yang baik muncul dengan berbekalkan maklumat dan pengetahuan... Maka itu, bakal wartawan dan wartawan memerlukan buku ini.”

**DATUK JOHAN JAAFFAR**

Pengerusi Media Prima Berhad

Prentice Hall  
is an imprint of

PEARSON



ISBN 978-967-349-032-5



9 789673 490325